
TOPIK 01

Pengenalan Kepada Pensejarahan

HASIL PEMBELAJARAN

Di akhir pelajaran, pelajar boleh

1. Menjelaskan Apakah yang dimaksudkan Sejarah
2. Membincangkan ruanglingkup pensejarahan, tujuan, fungsi dan kepentingan pensejarahan.



PENGENALAN

Selamat Datang ke kursus Pensejarahan Barat dan Timur. Dalam Topik 1 ini anda akan mempelajari definisi pensejarahan, ruanglingkup pensejarahan, tujuan, fungsi dan kepentingan pensejarahan. Anda seterusnya akan membaca bahan yang disediakan ini dan selepas itu anda perlu menjawab soalan di aktiviti pembelajaran.

1.1 APAKAH PENSEJARAHAN

Apakah Sejarah?

Sejarah merupakan Sastera lama, asal usul keturunan, salasilah, peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lalu, kisah, riwayat, tawarikh. [Kamus Dewan].

Dalam bahasa Inggeris sejarah dipanggil History yang berasal dari perkataan – Historia dalam bahasa Yunani purba yang bermaksud Penyelidikan

Berikut adalah pendapat ahli-ahli sejarah mengenai maksud sejarah

Dionysius – Sejarah adalah satu bentuk falsafah yang memberikan pengajaran melalui contohnya.

Ibn Khaldun – catatan / maklumat tentang masyarakat manusia dan tamadun dunia.

Croce – kisah tentang kebebasan dan semua sejarah adalah semasa

J.B. Bury – sejarah adalah sains, tidak kurang dan tidak lebih.

Collingwood – semua sejarah adalah sejarah pemikiran

E.H Carr – sejarah adalah satu proses interaksi berterusan di antara ahli sejarah dan fakta-faktanya, satu dialog yg tidak berkesudahan di antara masa kini dan masa lampau.

R. Suntharalingam – Sejarah itu adalah masa lalu. Sejarah berupa semua pengalaman, tingkahlaku, kejadian serta peristiwa dalam kehidupan seseorang individu, pemimpin, sebuah institusi, masyarakat mahupun negara.

Apakah Pensejarahan?

Pensejarahan berasal dari perkataan sejarah. Ianya bukan satu bidang baharu dalam dunia intelektual kerana telah dikaji sejak abad kelima Sebelum Masehi. Kewujudan pensejarahan atau historiografi yang boleh dilabelkan sebagai falsafah sejarah. “the record of events or the events themselves” Pertalian relatif antara catatan peristiwa dan peristiwa. Peristiwa yang terjadi dan dicatatkan sebagai SEJARAH

Definisi Pensejarahan

“the writing of history; especially the writing of history based on the critical examination of sources, the selection of particulars from the authentic materials, and the synthesis of particulars into a narrative that will stand the test of critical methods the principles, theory, and history of historical writing a course in historiography, the product of historical writing : a body of historical literature a survey of the country's historiography”

<https://www.merriam-webster.com/dictionary/historiography>

Pensejarahan – kajian mengenai bagaimana sejarah telah / sedang ditulis Sejarah Penulisan Sejarah

Bila anda belajar mengkaji pensejarahan anda tidak mengkaji peristiwa masa lalu tetapi mengkaji perubahan interpretasi peristiwa sejarah tersebut dalam karya sejarawan.

AKTIVITI 1.1

Jelaskan maksud pensejarahan?

Bagimanakah Pensejarahan berbeza daripada Sejarah?

1.2 **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan Kajian

Kebolehpercayaan sumber yang digunakan [pengarang, kredibiliti, keaslian atau penyelewengan pada teks]

Tafsiran Sejarawan

Tun Sri Lanang mentafsirkan Kesultanan Melayu Melaka dalam Sejarah Melayu. Sudut takrif pentafsiran kini mendapati kepincangan dalam tafsiran sejarawan dahulu. Tafsiran yang dikatakan objektif telah menjadi matlamat sejarawan tulen masa kini.

Persoalan Kajian

Tradisi Pensejarahan – Marxist, Annales, sejarah politik, sejarah total dsb.

Marxist – Melihat ekonomi sebagai faktor utama penggerak masyarakat dan sejarah.

Ranke – politik, ketenteraan, diplomasi.

Isu Moral – untuk memuji, untuk menunjukkan rasa bersalah dan sebagainya. Pengadilan moral ini dilakukan dalam bahasa yang memuji atau mempersalahkan dengan berpandukan kepada ukuran baik dan buruk sejagat seperti Raja itu zalim, peristiwa itu baik, pentadbiran negara itu lemah dan sebagainya.

Revisionism vs interpretasi ortodoks – penilaian semula sesuatu peristiwa atau menurut interpretasi yang telah sedia diterima.

Contoh: Campurtangan Inggeris di Perak

Winstedt dan Wilkinson tidak melihat dari sudut kehendak British sebaliknya Perak bergolak, British terpaksa mendamaikan. Mereka memburukkan keadaan sistem perhambaan yang terdapat di Perak, tentang sistem berbangsa-bangsanya, dan sistem percukaianya. Perhambaan di Perak sangat menyedihkan.

AKTIVITI 1.2

Apakah dua persoalan penting dalam pensejarahan?

1.3

**TUJUAN, FUNGSI DAN KEPENTINGAN
PENSEJARAHAN**

Tujuan, Fungsi dan Kepentingan

Pensejarahan dihasilkan untuk memaparkan kebenaran sesuatu peristiwa sejarah.

Kesedaran Sejarah – membolehkan seseorang mengenali diri, masyarakat dan negaranya. Sesuatu bangsa yang tidak tahu sejarahnya atau tidak mempunyai sejarah bermakna tidak mempunyai warisan dan tamadun.

Marwick “Masyarakat yang terumbang ambing” Sejarah sebagai ilmu untuk membolehkan seseorang atau sesuatu masyarakat itu menentukan identiti dirinya. Membolehkan seseorang atau sesebuah masyarakat mengenal dirinya sendiri. Melalui pengetahuan sejarah sesebuah masyarakat dapat memperolehi pengetahuan tentang dirinya.

Wang Gangwu – 3 sebab perlu sejarah

1. Untuk menjustifikasikan sesuatu tuntutan
2. Untuk dijadikan pendidikan praktikal dan moral
3. Untuk menjadikan sejarah sebagai satu disiplin yang mulia

Manusia tertarik kepada masa lalu – pengalaman masa lalu sebagai sesuatu yang berguna kepada kita. Santapan jiwa kepada manusia – naluri ingin tahu tentang bagaimana, apa, kenapa sesuatu itu terjadi. Masa lalu sebagai petunjuk – “Belajar dari sejarah”

Kitaran Sejarah – Sejarah berkisar di sekitar wangsa pemerintah China. Justifikasi bagi setiap wangsa tersebut memerintah China. Penulisan sejarah secara rasmi.

Sejarah memainkan peranan yang penting dalam hidup dan mati sesebuah negara. Kehidupan sesebuah negara itu gelap jika ia tidak mempunyai sejarahnya ataupun tidak mempunyai ingatan masa lalunya.

Kajian sejarah dan pensejarahan akan menjurus kepada pemahaman yang lebih luas mengenai kemanusiaan, kesilapan dan salah tanggapan manusia. Manusia sering mengatakan “Sejarah berulang kembali”. Dalam banyak peristiwa kita berharap ianya tidak benar kerana banyak peristiwa yang menyedihkan berlaku dalam kehidupan sesebuah tamadun manusia.

Tanpa Sejarah dan Pensejarahan, kita hilang panduan dalam menuju masa depan dan tidak mengambil kira kesilapan atau kejayaan kerana kita tidak mempelajari bagaimana dan mengapa sesuatu peristiwa itu berlaku. Kesilapan dalam sejarah sangat berharga. Kesilapan dalam sejarah sangat berharga. Sekiranya kita belajar dari kesilapan lampau kemungkinan untuk mengulangi kesilapan yang sama akan berkurang. Hal ini hanya boleh dilakukan melalui pengekalan dan penyimpanan rekod-rekod bersejarah yang ditulis oleh sejarawan yang tekun memberikan orang awam maklumat yang boleh dipercayai dan tepat

AKTIVITI 1.3

Senaraikan dua sebab mengapa pensejarahan penting kepada kita semua.

RINGKASAN

- Anda kini boleh menjelaskan definisi sejarah dan pensejarahan
- Membincangkan ruanglingkup pensejarahan.
- Menjelaskan tujuan, fungsi dan kepentingan pensejarahan

KATA KUNCI

- ❖ Sejarah
- ❖ Pensejarahan
- ❖ Tafsiran Sejarah
- ❖ Ruanglingkup kajian
- ❖ Kepentingan Sejarah